

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : DR. AZMAN BIN ISMAIL
[KUALA KEDAH]**

SOALAN NO. 104

Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan statistik peratusan pelajar-pelajar di Sekolah-sekolah Berasrama Penuh (SBP) mengikut bangsa, jantina dan kelas sosio-ekonomi, bagi seluruh negara.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Berdasarkan data Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) pada 28 Februari 2019, terdapat 69 Sekolah Berasrama Penuh (SBP) di seluruh negara. Enrolmen keseluruhan murid di 69 SBP adalah seramai 40,832 murid dengan 48.8 peratus terdiri daripada murid lelaki, manakala 51.2 peratus adalah murid perempuan. Pecahan murid SBP mengikut kaum adalah seperti dalam Jadual 1 di bawah:

Jadual 1: Pecahan Murid SBP Berdasarkan Kaum

KAUM	BILANGAN	PERATUS
Melayu	38,439	94.1%
Sabah	1,047	2.6%
Sarawak	828	2.0%

KAUM	BILANGAN	PERATUS
India	279	0.7%
Cina	107	0.3%
Lain	83	0.2%
Asli	49	0.1%
JUMLAH	40,832	100.0%

Manakala, pecahan murid SBP berdasarkan kelas sosioekonomi pula adalah seperti dalam Jadual 2 di bawah:

Jadual 2: Pecahan Murid SBP Berdasarkan Kelas Sosioekonomi

KATEGORI	BILANGAN	PERATUS
B40	13,586	33.3%
M40	9,699	23.8%
T20	17,547	43.0%
JUMLAH	40,832	100.0%